

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha terbaru dalam misi mencari MH370.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, aspirasi untuk mencari pesawat MH370 tidak akan diabaikan. Sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baharu yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) diperoleh, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.
2. Keputusan menggantung operasi pencarian pesawat MH370 adalah selaras dengan persetujuan yang dicapai pada Mesyuarat Tripartite Peringkat Menteri di antara Malaysia, Australia dan RRC yang telah diadakan pada 22 Julai 2016. Melalui mesyuarat tersebut, ketiga-tiga negara telah bersetuju sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang sahih dan kukuh (*credible*) diperoleh, maka operasi pencarian selanjutnya boleh dipertimbangkan.
3. Sebarang perbincangan lanjut berhubung penyambungan semula operasi pencarian pesawat MH370 akan diadakan dengan Kerajaan Republik Rakyat China dan Australia berdasarkan bukti yang boleh dipercayai, yang mungkin membawa kepada pencarian baharu bagi pesawat yang hilang itu.
4. Kementerian Pengangkutan mengambil maklum cadangan pencarian baru oleh syarikat Ocean Infinity dan sedang menunggu maklumat lanjut dari pihak syarikat. Dalam hubungan ini, mana-mana pihak yang mempunyai maklumat atau petunjuk baharu yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) berhubung lokasi pesawat MH370 bolehlah merujuk perkara tersebut kepada Kementerian Pengangkutan.

Sekian, terima kasih.